


Program cegah banjir



Cadangan akan melihat kepada beberapa daerah di Johor yang terdedah kepada ancaman banjir”

> Datuk Seri Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

JPS diminta kaji sistem sungai dan perparitan

METRO 4/2 -

KOTA TINGGI: Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) akan diminta mengemukakan cadangan mengenai Program Pencegahan Banjir, terutama di beberapa daerah di Johor yang teruk dilanda bencana itu pada Disember dan Januari lalu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata cadangan daripada JPS akan dijadikan asas program pencegahan yang bakal dilaksanakan kerajaan tahun ini juga.

“Cadangan itu akan melihat kepada beberapa daerah di Johor yang terdedah kepada ancaman banjir yang tinggi dan masalah air banjir tidak mengalir terlalu lama.

“Kita kena tengok masalah yang timbul,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan wang bantuan peralatan rumah mangsa banjir Kota Tinggi di Dewan Jubli Intan, di sini, semalam.

Najib yang juga Menteri Pertahanan menjangkakan perbelanjaan yang akan diperuntukkan oleh kerajaan untuk melaksanakan Program Pencega-

han Banjir itu adalah besar.

Beliau berkata, program pencegahan itu akan melihat kepada sistem sungai dan perparitan di daerah terbabit.

Ketika gelombang banjir pertama bermula 19 Disember lalu dan kedua yang melanda Johor pada 13 Januari, beberapa daerah terjejas teruk seperti Kota Tinggi, Batu Pahat dan Muar.

Air banjir yang melimpah, terutama di Batu Pahat dan Kota Tinggi, mengambil masa terlalu lama untuk surut, mengakibatkan ribuan mangsa banjir di kedua-dua daerah itu terpaksa tinggal di pusat pemindahan dengan ada yang hampir sebulan.

Najib berkata, penyelesaian terhadap masalah air banjir yang tidak surut cepat itu perlu dicari, dengan ada mangsa di Batu Pahat yang berdepan masalah itu menggelar air banjir yang enggan surut itu sebagai ‘air termenung’.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan turut berancang memindahkan kampung dan taman perumahan di tebing sungai yang kerap dilanda banjir ke kawasan penempatan baru

yang lebih selamat.

Katanya, satu daripada kampung di Kota Tinggi yang bakal dipindahkan kerana berisiko tinggi adalah Kampung Tembiah yang terletak di tebing Sungai Johor.

Kampung Tembiah antara paling teruk dilanda banjir, dengan enam rumah penduduk musnah akibat dihanyutkan arus deras Sungai Johor yang melimpah.

Najib berkata, selepas penduduk dipindahkan, Kerajaan Pusat dengan persetujuan kerajaan negeri bercadang menjadikan kampung berkenaan sebagai taman rekreasi.

Katanya, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, akan diminta mengemukakan pelan perancangan kerajaan negeri mengenai kaedah melaksanakan pemindahan penduduk di kampung dan taman perumahan yang dikenal pasti.

Terdahulu, Timbalan Perdana Menteri, Abdul Ghani, Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang juga Anggota Parlimen Kota Tinggi turut melawat kawasan dilanda banjir di Kampung Tembiah, Kampung Ke-

lantan dan Kampung Panti.

Sementara itu, Najib berkata, kerajaan bersetuju supaya Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) ‘diberikan tanggungjawab membina semula rumah mangsa banjir yang musnah.

“Kerajaan mengenal pasti 91 rumah kos rendah yang akan dibina untuk mangsa banjir di Johor, sama ada di tapak lama rumah mereka yang musnah atau di tapak baru,” katanya.

Beliau berkata, mangsa banjir yang bakal menduduki rumah baru itu yang dijangka siap dalam tempoh setahun, akan hanya dikenakan bayaran bulanan tidak melebihi RM50.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kerajaan mentaksirkan jumlah kerugian ditanggung berikutan kerosakan terhadap kemudahan asas seperti jalan raya, terutama di Johor, berjumlah RM1.2 bilion, tidak termasuk pelbagai bantuan dan sumbangan kerajaan kepada mangsa banjir.

“Peruntukan kerajaan untuk bantuan mangsa di Johor saja dalam lingkungan RM100 juta,” katanya. — Bernama